



TRANSKRIP UCAPAN

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

PERDANA MENTERI MALAYSIA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI

BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI

BAGI MEI 2016

09 MEI 2016,

8.15 PAGI

DATARAN PERDANA BANGUNAN PERDANA PUTRA,

PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YAB Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara,

Seterusnya Warga Jabatan Perdana Menteri yang dihormati sekalian.

1. Pada pagi ini kita masih diselubungi perasaan sedih di atas tragedi nahas helikopter yang telah jatuh terhempas pada 05 Mei yang lalu. Nahas mengakibatkan enam individu terkorban iaitu Allahyarham Datuk Noriah Kasnon, Timbalan Menteri Perusahaan Perdagangan dan Komoditi serta suami; Allahyarham Datuk Dr Wan Khair'il, Pengerusi MPOB dan Ahli Parlimen Kuala Kangsar; Mendiang Datuk Dr Sundaran Annamalai, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perdagangan dan Komoditi; Allahyarham Ahmad Sobri, Pegawai Peribadi dan juruterbang. Marilah bersama kita sedekah Al-Fatihah semoga mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

2. Seperti sedia maklum, Pilihan raya Negeri Sarawak baru sahaja selesai pada hari Sabtu yang lalu dan keputusan jelas

menunjukkan bahawa sokongan rakyat Sarawak pada kerajaan dan parti Barisan Nasional semakin kukuh. Saya selalu menyebut bahawa kita harus mendengar isi hati serta merasai denyut nadi rakyat.

3. Kerajaan mempunyai hala tuju yang amat jelas serta mempunyai pelan yang telah disusun rapi dalam merancang dan melaksanakan apa yang telah dijanji agar rakyat lebih yakin apa yang dijanji dapat dikotakan.
4. Sarawak dan Sabah merupakan negeri yang luas dan agenda seperti ini akan memakan masa, kos yang tinggi dan akan melibatkan pertimbangan-pertimbangan tertentu. Oleh itu, komitmen kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan ia merupakan asas kejayaan yang harus diteruskan bersama Ketua Menteri Sarawak.
5. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai kerajaan yang telah membantu serta bekerja keras bagi memastikan kelancaran Pilihanraya di Sarawak tanpa berlaku sebarang insiden yang tidak diingini.
6. Selain itu, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu Malaysia telah mengambil langkah proaktif dan kerana itu Malaysia masih mampu melaksanakan pelbagai program pembangunan seperti projek Lebuhraya Pan Borneo serta mampu menjaga kebajikan penjawat awam seperti kenaikan tahunan khas dan gaji minima yang lebih tinggi untuk penjawat awam.

7. Gabenor Bank Negara turut memuji tindakan kerajaan yang berani memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi. Jika kerajaan tidak melakukan kedua-dua perkara ini, ekonomi mungkin menjadi seperti ekonomi di Greece. Pengenalan GST memberi peningkatan pada harga barangan namun ia memberi asas kekuatan hasil yang lebih besar kepada kerajaan dan negara.
8. Kerajaan juga memberi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kelonggaran cukai dan pengecualian kadar GST sifar kepada pelbagai jenis barangan bagi melindungi rakyat daripada tekanan GST. Dalam Pilihan raya Negeri Sarawak baru-baru ini, pembangkang cuba menggunakan isu ini namun rakyat semakin hari semakin memahami bahawa langkah yang diambil kerajaan tepat dan wajar kerana tujuannya adalah untuk masa depan rakyat.
9. Peningkatan produktiviti dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 meningkat hanya 2.3% dan kita telah menyasarkan kenaikan sebanyak 3.7% pada Rancangan Malaysia Ke-11. Jadi, sebagai penjawat awam kita harus melihat dan memikirkan dasar serta tindakan yang boleh diambil sebagai galakan sektor swasta meningkatkan produktiviti mereka agar kadar pertumbuhan negara mencapai ke tahap yang memberangsangkan.
10. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan marilah kita meneruskan usaha untuk mencapai masa depan yang lebih makmur untuk negara Malaysia yang tercinta.

Sekian terima kasih.

09 Mei 2016